



“Pengarang tidak dapat lari daripada gelojak jiwa yang berjungkir-balik dalam persekitaran dan pada masa sama, mereka mempunyai hasrat meniru serta memindahkan pengalaman itu ke dalam karya secara alamiah”

Dr Shamsudin Othman
Penyayarah UPM

Pengarang tidak ambil kesempatan

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@mediaprima.com.my

Pengarang yang menghasilkan karya selepas sesuatu tragedi bukan mengambil kesempatan untuk kepentingan diri, sebaliknya didorong cetusan perasaan dan keinginan merakam reaksi peribadi dan masyarakat.

Secara tidak langsung, karya yang merakam sesuatu peristiwa atau tragedi sebenarnya memberi sumbangan kepada khazanah kepustakaan bangsa apabila pengarang dapat menghasilkan karya besar mereka.

Pandangan itu diluahkan pengkaji, penyair dan deklamator susulan kenyataan Ketua Satu, Persatuan Penulis Johor (PPJ), Amiruddin Md Ali Hanafiah, pada Dialog Isu Tanah Air & Patriotisme: Di Manakah Penulis? di Batu Pahat, baru-baru ini.

Tidak berdasar

Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman, menganggap dakwaan pengarang mengambil kesempatan daripada tragedi atau memanipulasikan peristiwa bagi mendapatkan habuan royalti sebagai tanggapan kurang berdasar.

“Ini kerana pengarang tidak dapat lari

» Tragedi, peristiwa hanya penggerak idea dan luahan rasa

daripada gelojak jiwa yang berjungkir-balik dalam persekitaran dan pada masa sama mereka mempunyai hasrat meniru serta memindahkan pengalaman itu ke dalam karya secara alamiah,” katanya kepada *Sastera BH* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Shamsudin menegaskan karya yang bergerak daripada tragedi masyarakat adalah manifestasi alamiah yang tercipta akibat pergelaran pengalaman persekitaran dan apabila karya disiarkan, sewajarnya ia mendapat penghargaan dalam bentuk honorarium.

“Perlu diingat, penerbit juga ada tanggungjawab sosial membantu penulis, walaupun bayaran imbuhan yang dibayar tidak setimpal dengan ‘keringat’ yang dicurahkan pengarang bagi menghasilkan sesuatu karya,” katanya yang juga penyair.

Dr Shamsudin turut mengingatkan bahawa karya besar lahir daripada tragedi yang berlaku dalam persekitaran sehingga mencetuskan idea seperti dibuktikan Sasterawan Negara (SN) Ke-4, Datuk (Dr) A Samad Said, dalam melahirkan novel, *Salina*.

“Beliau terkesan dengan kezaliman penjajahan Jepun di Tanah Melayu, manakala SN Ke-2, Prof Emeritus Datuk Dr Shahron Ahmad pula menghasilkan *Ranau Sepanjang*

Jalan, pada saat kemiskinan Melayu tidak mendapat perhatian.

"Allahyarham Azizi melahirkan novel, *Harga Sebuah Maruah*, akibat kerakusan pemerintah atau kumpulan puisi, *Manuskrip Luka Bangsa*, terbitan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) ditulis atas keceluaran nasib Bahasa Melayu yang diperkotak-katikkan," katanya yang juga Timbalan Setiausaha Agung PENA.

Bergantung nawaitu

Penyair dan deklamator veteran, Puzi Hadi, pula menganggap persoalan itu ber-gantung kepada nawaitu penulis, tetapi mengakui lebih baik mempunyai iltizam menyumbangkan royalti atau honorarium kepada tabung anjuran pelbagai pihak.

"Penghasilan karya selepas sesuatu peristiwa atau tragedi sebenarnya adalah bertujuan melahirkan perasaan secara kreatif dan bukan atas faktor kewangan. Tidak hairanlah ada penulis yang sanggup mengirimkan karya mereka kepada akhbar tabloid, sekalipun tidak mendapat haquan honorarium," katanya.

Puzi turut menyifatkan penghasilan karya selepas peristiwa atau tragedi adalah sebagai dokumentasi yang merakamkan reaksi, sama ada dalam bentuk emosi atau tindakan fizikal masyarakat.

"Hal ini tidak berbeza dengan reaksi pengarang pada zaman sebelum kemerdekaan apabila mereka menghasilkan karya yang meluahkan semangat pentingnya terhadap penjajah," katanya.

Naluri penyair

Setiausaha Kelab Penyair dan Deklamator, Amran Ibrahim Rashidi, mengakui penulis dan penyair sering mengambil kesempatan untuk mencipta sesebuah karya mengikut isu semasa yang timbul.

"Bagaimanapun, ia naluri penyair yang berjiwa halus dan peka terhadap perubahan persekitaran untuk dimanfaatkan dalam karya mereka buat bacaan umum.

"Sukar membuktikan penyair mengambil kesempatan bagi menjana pendapatan mereka sendiri kerana pulangan yang mereka dapat daripada penciptaan karya sangatlah sedikit jumlahnya," katanya.



Sukar membuktikan penyair mengambil kesempatan bagi menjana pendapatan mereka sendiri kerana **pulangan yang mereka dapat daripada penciptaan karya sangatlah sedikit jumlahnya**"

Amran Ibrahim Rashidi

Setiausaha Kelab Penyair dan Deklamator